


DATE: 16 / 08 / 2007



HARGAI PERJUANGAN: Moggie melihat buku *Road to Nationhood* sambil diperhati Syed Faisal (dari kiri), Hishamuddin dan Pengurus Besar e-Media, Zainul Ariffin Mohammed Isa di Balai Berita, semalam.

BH- 16/8/2007

# NSTP terbit buku kemerdekaan

**K**UALA LUMPUR: Sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan negara, Pusat Sumber, Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) menerbitkan buku *Road to Nationhood: Malaysia 1941-1966* yang mengandungi keratan akhbar, artikel serta gambar mengenai negara ini sepanjang tempoh itu.

Buku itu diterbitkan atas permintaan orang ramai yang memberi sambutan menggalakkan terhadap pameran *Road To Nationhood* di Pusat Beli-belah Bangsar (BSC) yang di-

anjurkan Kumpulan NSTP sejak dua tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Datuk Syed Faisal Albar, berkata buku itu menjadi penerbitan eksklusif NSTP kerana memaparkan pelbagai laporan, artikel dan gambar yang tidak ada pada akhbar bukan terbitan kumpulan itu.

"Penerbitan buku ini dianggap sebagai hadiah kepada rakyat Malaysia bagi memperingati pengorbanan generasi terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan," katanya pada pelancaran buku itu di Balai Berita,

di sini, semalam.

Majlis pelancaran disempurnakan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Leo Moggie yang turut dihadiri Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Datuk Hishamuddin Aun dan Pengarang Eksekutif (Berita) Berita Harian, Mahfar Ali.

Sebanyak 3,000 naskhah buku mengandungi 247 muka surat itu diterbitkan dan boleh didapati di Pusat Sumber NSTP dan kedai buku seluruh negara, bermula semalam dengan harga RM130 senaskhah.